

# Ramai tidak menyangka PM dan MB berjalan seiringan

31 MAY 1991



PASIR MAS 30 Mei - Wajah-wajah gembira, terharu, terperanjat kerana tidak menyangka, adalah antara reaksi pertama orang ramai apabila melihat Perdana Menteri dan Menteri Besar Kelantan berjalan seiring setibanya di majlis perasmian Jambatan Pasir Mas-Salor dekat sini hari ini.

Serentak itu, orang ramai yang dianggarkan lebih 15,000 orang bertepuk tangan dan bersorak gembira melihat telatah dua pemimpin mereka itu.

Mereka yang duduk bangun dari tempat duduk masing-masing untuk melihat dengan

jelas suasana tersebut. Kedengaran juga ada yang berkata, "dah baik ke mereka berdua ni...".

Sebelum itu, orang ramai yang mengetahui bahawa Menteri Besar itu dijemput ke majlis tersebut tertanya-tanya sesama sendiri, apakah Haji Nik Aziz akan hadir dalam majlis itu.

Para wartawan pun begitu juga, masing-masing melihat jam, bukan untuk mengetahui ketibaan Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad tetapi untuk memastikan bilakah Haji Nik Aziz akan hadir. Adakah beliau akan hadir..?, tanya orang-orang me-

dia itu sesama sendiri.

Yang paling bimbang ialah jurugambar akhbar dan televisyen, kerana masing-masing kkuatir tidak dapat mengambil gambar menarik pertemuan bersejarah tersebut.

Reaksi orang ramai yang ketara sekali dapat dilihat ialah apabila Dato' Sri Dr. Mahathir berucap di majlis tersebut - mereka bukan sahaja memberikan tumpuan kepada Perdana Menteri tetapi juga tertumpu ke arah Haji Nik Aziz.

Masing-masing mahu melihat apakah reaksi Menteri Besar itu, apabila ada di antara isi ucapan

itu seakan-akan 'terkena' terhadap dirinya, terutamanya apabila menyentuh soal kemiskinan, serahkan kepada takdir Tuhan semata-mata... dan lain-lain lagi.

Bagaimanapun, Haji Nik Aziz mendengarnya dengan tenang dan teliti, tanpa memperlihatkan sebarang perubahan di wajahnya.

Menteri Besar Kelantan itu bagaimanapun, tidak berucap di majlis tersebut.

Semasa majlis jamuan teh diadakan, Dato' Sri Dr. Mahathir dan Haji Nik Aziz sempat berbual-bual, ada kalanya perbualan itu nampaknya serius dan adakalanya gembira.

Walau bagaimanapun keadaannya, pertemuan singkat dua pemimpin itu - yang ditemukan di majlis perasmian jambatan - bolehlah dikatakan sungguh mesra lagi simbolik!

Ketibaan Perdana Menteri dan rombongan di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra disambut oleh pemimpin - pemimpin UMNO bahagian, Pemuda dan Wanita diketuai oleh Menteri Belia dan Sukan, Senator Haji Annuar Musa.

Bekas Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Haji Mohamad Yaacob dan Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Dato' Haji Hussein Ahmad juga menyambut ketibaan Perdana Menteri dan rombongan.

Ini merupakan lawatan rasmi pertama Perdana Menteri ke Kelantan sejak pilihanraya lalu.